

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 2, Halaman 15-25

Keberkesanan Pertandingan Hafazan dan Ujian Syahadah: Analisis Perbandingan terhadap Pemantapan Hafazan al-Quran

The Effectiveness of Quran Memorization Competition and Syahadah Examination: A Comparative Analysis on Strengthening Quran Memorization

. Afifa Syakirah binti Mohd Radzi¹ & Latifah binti Abdul Majid²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia.

Corresponding Author: Afifa Syakirah binti Mohd Radzi. Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia, afifa01200@gmail.com, 011-18610120.

Artikel dihantar: 11 September 2025

Artikel diterima: 5 November 2025

Artikel diterbit: 30 Disember 2025

ABSTRACT

Quranic memorization competitions and syahadah assessments function as mechanisms for reinforcing and evaluating the quality of Quran memorization among memorizers of the Quran. However, a segment of huffaz tends to place insufficient emphasis on the quality and consistency of their memorization, particularly after completing their formal education in tahfiz institutions. This study aims to explore the effectiveness of memorization competitions and syahadah assessments in strengthening Quranic memorization, as well as to compare the respective roles of both approaches. A qualitative case study methodology was employed, with data collected through semi-structured interviews involving four huffaz who actively participate in memorization competitions and have undergone syahadah assessments. The findings indicate that the syahadah assessment is the most effective platform for the consolidation of Quranic memorization, while memorization competitions serve as an optimal platform for testing memorization accuracy and assessing recitation quality including aspects such as tajwid, fluency, rhythm, and intonation. This study recommends that both approaches be employed complementarily with syahadah functioning as a means of memorization reinforcement, and competitions serving as evaluative tools to assess the robustness and precision of memorization. Tahfiz institutions are also encouraged to promote both memorization competitions and syahadah assessments as key initiatives in enhancing the overall quality and standard of Quran memorization.

Keywords

Quran Memorization Competition, Syahadah Assessment, Murajaah , Tahfiz Institution

ABSTRAK

Pertandingan hafazan dan ujian syahadah berperanan sebagai mekanisme pengukuhan dan penilaian kualiti hafazan al-Quran dalam kalangan *huffāz*. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir *huffāz* yang kurang memberi penekanan terhadap mutu hafazan dan konsistensi *murajaah* terutamanya selepas menamatkan pengajian di institusi tahfiz. Justeru,



kajian ini dijalankan untuk meneroka keberkesanan pertandingan hafazan dan ujian syahadah dalam pemantapan hafazan al-Quran serta perbandingan antara kedua-duanya. Kaedah kualitatif berbentuk kajian kes telah digunakan dengan pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur melibatkan empat orang hafiz yang aktif menyertai pertandingan hafazan dan pernah menjalani ujian syahadah al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawa ujian syahadah merupakan wadah yang paling berkesan dalam pemantapan hafazan al-Quran, manakala pertandingan hafazan adalah platform yang terbaik dalam menguji ketajaman hafazan dan menilai mutu bacaan seperti tajwid, fasahah, irama bacaan dan lain-lain. Kajian ini mencadangkan agar kedua-dua pendekatan ini dimanfaatkan secara komplementari, dengan ujian syahadah sebagai pendorong pemantapan hafazan dan pertandingan hafazan sebagai penilai pengukuhan hafazan bagi melahirkan huffāz yang benar-benar berkualiti. Institusi-institusi tahfiz juga disarankan untuk menggalakkan pelajar menjadikan pertandingan hafazan dan ujian syahadah sebagai inisiatif penting dalam usaha mempertingkatkan mutu dan kualiti hafazan al-Quran.

Keywords

Pertandingan Hafazan, Ujian Syahadah, Murajaah, Tahfiz

How to Cite: Mohd Radzi, A. S., & Abdul Majid, L. Keberkesanan Pertandingan Hafazan dan Ujian Syahadah: Analisis Perbandingan terhadap Pemantapan Hafazan Al-Quran: The Effectiveness of Quran Memorization Competition and Syahadah Examination: A Comparative Analysis on Strengthening Quran Memorization. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(2), 15–25.

DOI: 10.53840/qiraatv8i2.102

1.0 PENGENALAN

Menjaga hafazan merupakan suatu amanah yang perlu dipelihara oleh setiap penghafal al-Quran. Mengabaikan tanggungjawab dalam murajaah al-Quran akan memberi implikasi negatif terhadap kualiti hafazan al-Quran (Muhammad Syafee Salihin et al., 2022). Mengekalkan ingatan tentang apa yang telah dihafaz dan telah ditasmik dengan guru adalah cabaran yang paling besar dalam kalangan penghafaz al-Quran (Ashraf et al., 2020). Motivasi yang tidak konsisten dari semasa ke semasa juga merupakan antara kesukaran yang kerap dialami oleh mereka. Usaha berterusan dan pengulangan yang konsisten amat diperlukan supaya hafazan tidak mudah hilang daripada ingatan.

Antara platform yang boleh mendorong para *huffāz* memantapkan hafalan mereka ialah penyertaan dalam pertandingan hafazan dan ujian syahadah al-Quran. Pertandingan hafazan merupakan medan yang menguji hafalan mengikut kategori juzuk yang tertentu. Di Malaysia, penganjuran pertandingan hafazan diadakan di pelbagai peringkat, bermula peringkat sekolah hinggalah peringkat antarabangsa. Ia sering menjadi aktiviti utama dalam kebanyakan program islamik di sekolah, universiti mahupun masjid. Pertandingan hafazan yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dianggap sebagai pertandingan paling berprestij di Malaysia. Penganjuran tersebut secara tidak langsung menonjolkan kepentingan hafazan al-Quran sebagai satu tradisi yang sentiasa diperkasa dalam masyarakat.

Menurut Hadfina (2022), musabaqah hafazan al-Quran merupakan salah satu platform untuk *huffāz* dalam menjaga hafazan mereka. Ia menjadi platform untuk meningkatkan motivasi dalam menghafal al-Quran dan sebagai saranan kepada penghafal al-Quran untuk menguji mutu hafalan mereka (Mawaddah & Nurjannati, 2023). Program-program seperti pertandingan hafazan anjuran sekolah atau Kementerian Pendidikan atau NGO dan iktibar hafazan al-Quran anjuran Jabatan Agama Islam Negeri yang diadakan juga menggalakkan pelajar untuk berdisiplin dalam membuat ulangan al-Quran (Hayati Hussin et al., 2023). Peranan institusi pendidikan dan badan agama dalam menganjurkan program sebegini membuktikan bahawa hafazan al-Quran perlu diberi perhatian berterusan agar terus terpelihara sepanjang zaman.

Ujian syahadah pula merupakan penilaian keseluruhan 30 juzuk al-Quran yang disemak oleh beberapa orang panel syahadah. Untuk melayakkan seseorang itu menerima syahadah atau perakuan ini, hafazan mereka perlu diuji terlebih dahulu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh panel syahadah. Lazimnya, ujian syahadah didahului dengan



ujian pra-syahadah yang memberi fokus kepada hafazan secara bertahap. Menurut Nor Hasanah, Noor Ashikin dan Siti Mahfudzoh (2025), pelaksanaan pra-syahadah bukan sahaja berfungsi sebagai satu bentuk pengesahan awal terhadap pencapaian pelajar, tetapi juga sebagai pemangkin motivasi. Pengesahan ini memberi keyakinan kepada pelajar serta menunjukkan bahawa usaha mereka diiktiraf secara formal. Sijil syahadah yang diperoleh menjadi tanda aras kecemerlangan hafazan serta pengiktirafan rasmi dalam bidang tahfiz.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pelbagai sumber rujukan seperti artikel, jurnal, kertas kerja seminar dan tesis berkaitan telah diteliti bagi memastikan kajian ini bersifat terkini serta belum pernah dibincangkan secara khusus oleh penyelidik lain dalam ruang lingkup yang sama. Kajian-kajian lepas memberi gambaran yang luas tentang cabaran pengukuhan hafazan, kaedah pemantapan hafazan di institusi tahfiz serta pelaksanaan pertandingan hafazan dan ujian syahadah.

Berdasarkan kajian Nor Hasanah, Noor Ashikin dan Siti Mahfudzoh (2025) bertajuk *Pembelajaran Terstruktur Dan Kaedah Pengajaran Hafazan Al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Husni* telah menilai keberkesanan program syahadah dalam pemantapan prestasi hafazan pelajar Maahad Tahfiz Al-Husni. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar yang menjalani program syahadah lebih bersemangat dan menunjukkan peningkatan minat terhadap hafazan kerana merasakan wujudnya tahap pencapaian yang jelas dan bernilai.

Seiring dengan tumpuan terhadap faktor motivasi, kajian Mawaddah dan Nurjannati (2023) bertajuk *Analysis of Musabaqah Tilawatil Qur'an Activities in Increasing Al-Qur'an Memorization Motivation at Madrasah Aliyah Tahfizhil Qur'an Medan* telah menganalisis perkara-perkara yang dapat memotivasikan pelajar Madrasah Aliyah Tahfizhil Qur'an Medan dalam menghafaz Al-Quran. Turut dikaji cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang menghafaz dan pengurusan masa yang diamalkan oleh mereka menjelang Musabaqah Hifzhil Quran.

Kepentingan penganjuran program dan pertandingan hafazan turut diketengahkan dalam kajian Hadfina, Mohd Faizulamri dan Sabri (2021) melalui kajian bertajuk *Keperluan Penganjuran Majlis Hafazan kepada Penghafaz Al-Quran*. Kajian ini membincangkan sejarah pertandingan hafazan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), skema pemarkahan yang digunakan serta keperluan penganjuran kepada *huffāz*.

Melanjutkan perbincangan mengenai pelaksanaan pertandingan hafazan al-Quran, kajian Yayan dan Lu'lu' (2021) bertajuk *Musabaqah Tafsiril Quran: A Religious Scientific Contestation and Ceremonial Symbol* telah meneliti pengalaman para peserta Musabaqah Tafsiril Quran (MTiQ) berkaitan sejarah penganjuran, motivasi, persaingan dan manfaat yang diperoleh melalui penyertaan tersebut.

Selain itu, kajian oleh Hadfina (2022) bertajuk *Amalan Baik Pemenang Majlis Hafazan Al-Quran Anjuran JAKIM* telah menganalisis amalan pemenang hafazan dalam musabaqah tahfiz al-Qurān dan kaedah hafazan yang digunakan oleh mereka. Ciri keperibadian sebagai seorang hafiz turut dibincangkan kerana ia penting dalam melahirkan *huffāz* yang memelihara dan mengekalkan hafazan dalam ingatan mereka.

Seterusnya, Muhammad Syafee Salihin et al. (2022) melalui kajian bertajuk *Pengukuhan Hafazan Al-Quran: Cabaran dan Penyelesaian* telah membuat kajian kepustakaan berdasarkan pembacaan kajian-kajian terdahulu bagi menganalisis cabaran pengukuhan hafazan yang dihadapi oleh para *huffāz* dan mencadangkan beberapa kaedah hafazan dan pengulangan hafazan.

Berdasarkan analisis dan sorotan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan pertandingan hafazan dan ujian syahadah, didapati bahawa kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada sejarah penganjuran pertandingan, cabaran dunia hafazan atau kaedah pengukuhan hafazan secara umum. Namun, kajian secara khusus yang meneliti perbandingan antara keberkesanan pertandingan hafazan dan ujian syahadah terhadap pemantapan hafazan al-Quran masih belum dijalankan. Justeru, kajian ini dilihat penting untuk mengisi jurang tersebut dengan menyediakan analisis yang lebih mendalam terhadap peranan kedua-dua pendekatan ini dalam menyokong kelestarian hafazan. Penemuan kajian ini



juga diharap dapat memberi implikasi yang signifikan kepada institusi tahfiz, penggubal dasar pendidikan Islam serta para pendidik dalam merangka strategi yang lebih berkesan bagi melahirkan huffaz yang berkualiti dan berdaya saing.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Menganalisis perbandingan antara pertandingan hafazan dengan ujian syahadah dari segi bentuk, aspek dan suasana penilaian.
2. Menganalisis perbandingan keberkesanan antara pertandingan hafazan dengan ujian syahadah dalam pemantapan hafazan al-Quran.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan tujuan untuk meneroka secara mendalam pengalaman, pandangan dan refleksi para *huffāz* terhadap penglibatan mereka dalam pertandingan hafazan dan ujian syahadah.

4.1 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan empat orang informan yang dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan. Proses temu bual telah dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian pada tarikh yang berbeza antara satu sama lain serta mengambil masa 30 hingga 45 minit. Rakaman temu bual dilakukan dengan kebenaran informan menggunakan perakam suara digital Iphone XS.

4.2 Kaedah Penganalisan Data

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses analisis melibatkan langkah-langkah transkripsi data temu bual, pengkodan, pengenalpastian tema dan pembinaan interpretasi berdasarkan makna yang muncul daripada data. Interpretasi dilakukan secara induktif dengan memberi perhatian kepada corak dan hubungan antara tema bagi menjawab objektif kajian.

Tema dan sub-tema dibentuk berdasarkan data temu bual berkenaan. Kesemua transkripsi temu bual dibaca berulang kali bagi mengenal pasti tema yang bersesuaian. Artikel ini turut menjadikan teori dan penulisan literatur terdahulu sebagai panduan untuk mengenal pasti tema yang sesuai. Setiap informan kajian dilabel menggunakan kod gabungan huruf dan nombor, iaitu PK1 bagi informan pertama, PK2 bagi informan kedua, dan seterusnya sehingga PK4 bagi informan keempat. Penetapan kod ini bertujuan untuk mengekalkan kerahsiaan identiti informan.

4.3 Sampel kajian

Proses temu bual melibatkan seramai empat orang informan dari kalangan huffaz yang berpengalaman dalam penyertaan pertandingan hafazan dan ujian syahadah al-Quran. Mereka dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Kriteria informan ialah seperti berikut:

1. Menyertai pertandingan hafazan sekurang-kurangnya lima kali
2. Menjalani ujian syahadah sekurang-kurangnya sekali
3. Mewakili institusi yang berbeza (kerajaan, swasta atau NGO)



4.3.1 Deskripsi Demografi Informan Kajian

Informan pertama merupakan pelajar lepasan Madrasah Tahfiz Darunnisa, Rantau Panjang. Antara pencapaian beliau dalam pertandingan hafazan ialah Naib Johan kategori 1-30 juzuk Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur (2024), Naib Johan Pertandingan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Indonesia (2019), tempat ke-6 Pertandingan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Algeria (2017), tempat ke-9 Pertandingan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Dubai (2024). Selain itu, beliau juga merupakan Johan Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan kategori 1-10 juzuk (2014), kategori 1-20 juzuk (2016) dan kategori 1-30 juzuk (2020 & 2024). Di peringkat negeri pula, beliau merupakan Johan Hafazan Al-Quran peringkat Negeri Kelantan bagi kategori 1-10 juzuk (2014), kategori 1-20 juzuk (2015 & 2016), kategori 1-30 juzuk (2017, 2020 & 2024). Beliau menjalani ujian syahadah di bawah anjuran Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA) pada tahun 2019.

Informan kedua merupakan pelajar lepasan Maahad Tahfiz Orkeed Huffaz. Antara pencapaian beliau di peringkat negeri Melaka ialah Johan kategori 1-10 juzuk (2015-2017), Naib Johan kategori 1-20 juzuk (2018) dan Johan kategori 1-20 juzuk (2019, 2022 & 2023). Dalam kategori 1-30 juzuk pula, beliau merupakan Naib Johan peringkat negeri Melaka (2024) dan Johan peringkat Negeri Sembilan pada (2025) dalam kategori yang sama. Di peringkat kebangsaan, beliau berjaya mendapat tempat ketiga bagi kategori 1-10 juzuk (2015), Naib Johan kategori 1-10 juzuk (2017) dan Johan kategori 1-20 juzuk (2023). Beliau juga dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Hafazan anjuran ITQAN kategori 1-20 juzuk (2023) dan kategori 1-30 juzuk (2025). Beliau menjalani ujian syahadah di Darul Quran pada tahun 2024.

Informan ketiga merupakan pelajar lepasan Maahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Al-Asriah, Pasir Mas. Pada tahun 2024, beliau berjaya mendapat johan dalam Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Institut Pendidikan Tinggi (MTHQIPT) dalam kategori 1-30 juzuk. Beliau juga merupakan Johan Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 1-30 juzuk (2025). Selain itu, beliau berjaya mendapat Naib Johan (2023 & 2024) dan tempat ketiga (2021 & 2022) dalam kategori dan pertandingan yang sama. Beliau menjalani ujian syahadah di Maahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Al-Asriah pada tahun 2020.

Informan keempat pelajar lepasan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM – IIUM. Antara pencapaian beliau di peringkat negeri Kelantan ialah Johan Hafazan kategori 1-30 juzuk (2021) dan Naib Johan Hafazan kategori 1-30 juzuk (2019 & 2020). Beliau juga berjaya mendapat Johan kategori 1-30 juzuk dalam Musabqah Hafazan anjuran Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) pada tahun 2018. Beliau menjalani ujian syahadah di Darul Quran pada tahun 2018.

Berdasarkan perbincangan berkaitan demografi, dapat disimpulkan bahawa kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini merupakan individu yang layak dan sesuai dalam memberi pandangan terhadap isu yang dikaji berdasarkan kepada pengalaman yang dimiliki.

5.0 DAPATAN KAJIAN


Secara umumnya, temu bual bersama informan adalah bagi menjawab persoalan kajian iaitu menganalisis perbandingan keberkesanan pertandingan hafazan dan ujian syahadah al-Quran terhadap pemantapan hafazan al-Quran. Bagi mendapat gambaran yang jelas berkaitan kajian ini, sebanyak dua soalan umum diajukan kepada informan iaitu “*Apakah perbezaan pertandingan hafazan dan ujian syahadah dari segi bentuk, aspek dan suasana penilaian?*” dan “*Antara pertandingan hafazan ujian syahadah, manakah yang lebih berkesan dalam pemantapan hafazan?*”. Tema dan subtema berkaitan perbandingan pertandingan hafazan dan ujian syahadah ini dirumuskan dalam rajah untuk memudahkan pemahaman.



5.1 Perbandingan pelaksanaan pertandingan hafazan dan ujian syahadah

Setelah data dianalisis dan dibuat secara pengkodan membuka, pengkodan sisi dan pengkodan memilih, hasilnya sebanyak empat aspek utama dalam perbandingan keberkesanan yang dikenal pasti sebagaimana dalam rajah 1.1 berikut:

Rajah 1.1 Aspek Perbandingan Pertandingan Hafazan dan Ujian Syahadah



5.1.1 Bentuk penilaian

Pertandingan hafazan dan ujian syahadah mempunyai pendekatan penilaian yang berbeza. Pertandingan hafazan merupakan penilaian secara spontan berdasarkan soalan yang diajukan oleh para hakim sebagaimana yang dinyatakan oleh PK2 dan PK3:

“Musabaqah ni dia lagi kritikal sebab kita ditebuk secara random oleh hakim. Jadi, kita kena cepat detect kedudukan ayat itu kat mana, kita lagi kena peka dan detail lah.” (TB: PK2)

“Kita akan ditebuk tanpa disebut dekat mana ayat tu” (TB: PK3)

Sebaliknya, ujian syahadah menekankan penguasaan hafazan secara menyeluruh kerana peserta diwajibkan membaca al-Quran daripada awal hingga akhir tanpa melihat mushaf. Dapatan ini berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada informan ketiga seperti berikut.

“Kita baca daripada muka surat satu sampai habis tanpa tengok. Penilaian dibuat berdasarkan semakan dari awal hingga akhir hafazan dan perlu membaca keseluruhan 30 juzuk.” (TB: PK3)

5.1.2 Aspek penilaian

Pertandingan hafazan menampilkan penilaian yang lebih menyeluruh berbanding syahadah kerana melibatkan pelbagai aspek. Ia tidak hanya terbatas pada kelancaran hafazan, tetapi turut mengambil kira kualiti bacaan seperti tajwid, fasahah, irama bacaan, waqaf ibtidā' dan lain-lain.

“Dalam musabaqah, kita akan dinilai bukan sekadar hafazan, tapi juga cara bacaan, waqaf ibtidak” (TB: PK1)



“Musabaqah dihakimi oleh pakar dan lebih menyeluruh serta menitikberatkan hafazan, tajwid, lagu dan lain-lain” (TB: PK3)

Sebaliknya, ujian syahadah lebih berfokus kepada aspek hafazan semata-mata dengan menilai jumlah kesalahan bacaan, tanpa memberi penekanan yang mendalam terhadap aspek tajwid, lagu atau waqaf ibtida’.

“Syahadah lebih fokus kepada hafazan dengan menghadkan bilangan kesalahan yang dibenarkan” (TB: PK4)

5.1.3 Suasana penilaian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa suasana pertandingan hafazan lebih meriah dan mendebarkan, bersifat formal serta disaksikan oleh khalayak yang ramai. Kehadiran penonton memberi tekanan psikologi tertentu kepada peserta, sekaligus menjadikan suasana lebih mencabar.

“Tambah pula kita berada di atas pentas dan ditonton oleh ramai penonton.” (TB: PK3)

“Biasanya musabaqah diadakan secara terbuka di hadapan publik” (TB: PK4)

Sebaliknya, suasana penilaian dalam ujian syahadah lebih sederhana dan tenang kerana tidak disaksikan oleh ramai pihak. Ia dijalankan dalam suasana yang lebih terkawal tanpa tekanan penonton yang besar. Bentuk pelaksanaan syahadah berbeza mengikut institusi, sama ada dilakukan secara tertutup bersama penilai sahaja atau secara terbuka dengan penglibatan khalayak terhad.

“Suasana lebih tenang, disaksikan oleh beberapa penilai sahaja” (TB: PK3)

“Bergantung kepada institusi, secara terbuka atau tertutup.” (TB: PK4)

5.1.4 Persaingan

Hasil temu bual menunjukkan bahawa pertandingan hafazan melibatkan elemen persaingan antara peserta yang boleh menjadi pemangkin kepada peningkatan prestasi bacaan. Para peserta terdorong untuk memperbaiki hafazan masing-masing kerana wujudnya semangat bersaing secara sihat.

“Ada persaingan antara peserta untuk lakukan yang lebih terbaik bagi mencapai kesempurnaan bacaan” (TB: PK3)

“Wujudnya persaingan dalam musabaqah memberi motivasi yang lebih tinggi kepada peserta” (TB: PK4)

Sebaliknya, ujian syahadah tidak melibatkan unsur persaingan antara peserta. Ia lebih bersifat individu kerana fokus penilaian hanya pada kekuatan hafazan setiap peserta tanpa membandingkan prestasi mereka dengan orang lain.

“Syahadah hanyalah penilaian sendiri, tiada persaingan” (TB: PK3)

5.2 Keberkesanan terhadap pemantapan hafalan

Hasil temu bual bersama PK1 dan PK3 menunjukkan bahawa pertandingan hafazan lebih berkesan dalam meningkatkan kualiti hafazan berbanding ujian syahadah.

“Untuk memantapkan hafazan bagi saya ialah pertandingan hafazan. Musabaqah ni kita boleh mantapkan dari semua segi, dari segi hafazan, bacaan, waqaf ibtida’, dia memperbaiki semua tu.” (TB: PK1)



“Dalam al-Quran ni, dia ada ayat mutasyabihat. Jadi, bila masuk musabaqah, kita akan lebih tumpukanlah kepada ayat-ayat yang sama. Bila kita lebih fokus, ingatan kita akan lebih tajam dan kuat. Dan kalau tanya saya sendiri, yang lebih mengukuhkan hafazan adalah melalui musabaqah.” (TB: PK3)

Tambahnya lagi, peserta yang lulus ujian syahadah tanpa kesalahan tidak semestinya dapat menjawab soalan pertandingan hafazan dengan lancar. Sebaliknya, kemampuan peserta menjawab soalan hafazan dengan bersih tanpa kesalahan dalam pertandingan menunjukkan bahawa hafazannya sangat kukuh dan juga mampu membaca dengan lancar dalam ujian syahadah.

“Orang syahadah tak semestinya boleh jawab straight dalam musabaqah. Tapi, kalau dia boleh jawab straight dalam musabaqah, confirm dia boleh baca straight tanpa kesalahan dalam syahadah.” (TB: PK3)

Manakala, PK2 dan PK4 pula mengatakan ujian syahadah adalah lebih berkesan dalam memantapkan hafazan berbanding pertandingan hafazan.

“Syahadah lagi berkesan untuk mantapkan hafalan. Musabaqah hanya membantu untuk kecekapan otak” (TB: PK2)

“Syahadah mempunyai peraturan yang lebih ketat dari segi jumlah kesalahan yang dibenarkan. Pada pandangan saya, ujian syahadah adalah lebih berkesan dalam memantapkan hafazan berbanding musabaqah. (TB: PK4)

Tambah beliau lagi, pelaksanaan penilaian awal dan sesi pengulangan yang terancang sebelum menjalani ujian syahadah yang sebenar membantu peserta untuk membuat persediaan yang lebih mantap.

“Syahadah lazimnya disertai dengan sesi pra-penilaian untuk menguji tahap kelayakan huffaz dan sesi latihan khas untuk melatih/mengukuhkan hafazan huffaz sebelum menduduki ujian sebenar. Proses ini membantu peserta membuat persediaan yang lebih rapi dan konsisten.” (TB: PK4)

5.3 Perbincangan

Secara umumnya, dapatan temu bual dan pemerhatian telah memperkukuhkan objektif kajian bagi mendapatkan perbandingan keberkesanan pertandingan hafazan dan ujian syahadah al-Quran terhadap pemantapan hafazan al-Quran. Tema dan subtema berkaitan perbandingan keberkesanan pertandingan hafazan dan ujian syahadah ini dirumuskan dalam jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Rumusan Perbandingan Keberkesanan Pertandingan Hafazan dan Ujian Syahadah

Pertandingan Hafazan	Aspek Perbandingan	Ujian Syahadah
Ditebuk secara rawak oleh para hakim mengikut kategori juzuk yang disertai	Bentuk penilaian	Bacaan 30 juzuk secara hafazan di hadapan panel syahadah
Suasana lebih meriah dan disaksikan oleh ramai penonton	Suasana penilaian	Suasana lebih tenang dan kebiasannya diadakan di tempat tertutup
Kelancaran hafazan, tajwid, fasahah, irama bacaan dan lain-lain	Aspek penilaian	Kelancaran hafazan sahaja
Ada	Persaingan	Tiada



Berdasarkan Jadual 1.1 di atas, terdapat empat aspek perbandingan yang telah dikenal pasti dalam menilai keberkesanan pertandingan hafazan dan ujian syahadah dalam pemantapan hafazan al-Quran iaitu bentuk penilaian, suasana penilaian, aspek penilaian dan persaingan.

Dalam pertandingan hafazan, hafazan para peserta diuji dan dinilai dengan soalan-soalan yang dipetik secara rawak dari pelbagai juzuk. Para peserta diminta untuk menyambung ayat yang dikemukakan oleh para hakim, yang mana ayat tersebut diambil samada dari awal mukasurat, tengah dan akhir mukasurat. Pertandingan hafazan yang dianjurkan oleh JAKIM telah membuat pembaharuan pada bentuk soalan yang mana para hakim tidak menyatakan juzuk dan surah sewaktu mengajukan soalan kepada peserta. Manakala dalam ujian syahadah pula, *huffāz* perlu membaca secara hafazan bermula juzuk 1 hingga juzuk 30 dengan tidak melebihi beberapa kesalahan yang ditetapkan oleh pihak madrasah. Kebiasaannya, had kesalahan yang dibenarkan ialah tidak melebihi sepuluh sepanjang pembacaan (Muhammad Fairuz & Amir Sayyaf, 2019).

Kedua-dua penilaian ini memerlukan persediaan yang awal termasuk memberi penekanan kepada ayat *mutasyābihāt*. Ayat *mutasyābihāt* merupakan ayat-ayat al-Quran yang sama atau hampir sama dari sudut lafaznya (Abd Muhaimin et al., 2021). Mutashabihat lafaz yang berlaku ini sering berlaku dalam satu kisah yang sama di dalam al-Quran, namun ia berbeza dari sudut surah dan juga ayat (Abd Muhaimin, 2023). Kedudukan ayat-ayat tersebut di halaman, juzuk atau surah yang berlainan memberi cabaran kepada *huffāz* untuk mengenalpasti perbezaan antara satu sama lain dengan tepat. Penguasaan yang baik terhadap ayat *mutasyābihāt* akan mengurangkan risiko untuk membuat kesalahan semasa mempersembahkan bacaan. Kadangkala, ayat-ayat tersebut hanya berbeza dengan penukaran satu huruf atau kalimah. Sebagai contoh ayat ke-18 dan 171 dalam Surah Al-Baqarah:

Nombor ayat	Teks ayat
18	صُمُّ بُكْمٍ عُمَىٰ فَهُمْ لَا يَرْجِعُونَ
171	صُمُّ بُكْمٍ عُمَىٰ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ

Kedua-dua ayat di atas merupakan ayat *mutasyābihāt* yang mempunyai perbezaan pada kalimah terakhir. Kegagalan membezakan ayat-ayat tersebut sewaktu mempersembahkan hafazan boleh menyebabkan para peserta membuat kesalahan lalu menjejaskan markah mereka dalam pertandingan serta dikira sebagai satu kesalahan dalam penilaian ujian syahadah.

Hal yang demikian memerlukan penguasaan hafazan yang baik daripada *huffāz* yang menyertai pertandingan hafazan dan ujian syahadah. Namun begitu, terdapat perbezaan dari sudut tahap kecekapan hafazan bagi kedua-dua penilaian itu. Hal ini kerana peserta syahadah sudah sedia maklum dengan ayat yang bakal dibaca kerana mereka membaca mengikut turutan juzuk, bermula halaman pertama hingga halaman ke-64 dan dapat berlatih membaca sebagaimana ujian syahadah kelak. Adapun peserta pertandingan hafazan juzuk atau surah manakah yang bakal ditebuk secara rawak. Mereka perlu lebih bersedia dengan soalan yang bakal dikemukakan. Walaupun hanya membaca ayat-ayat tertentu sahaja berdasarkan soalan yang dikemukakan, namun ia memerlukan persediaan yang cukup untuk memastikan jawapan yang dijawab adalah betul dan tepat tanpa tertukar dengan ayat lain. Hal ini menekankan keperluan peserta untuk lebih peka terhadap kedudukan ayat serta dapat mengenal pasti dengan cepat bahagian yang diminta. Di sini dapat dilihat bahawa peserta pertandingan hafazan lebih cekap dan teliti dalam penguasaan hafazan.

Di samping itu, aspek penilaian dalam pertandingan hafazan juga dilihat lebih luas berbanding ujian syahadah. Dalam pertandingan hafazan, para peserta dinilai dari segi hafaz lancar, tajwid, fasahah, tarannum, suara dan persembahan (Hadfina et al., 2021). Oleh yang demikian, para peserta turut terdorong untuk memperbaiki kualiti bacaan demi mencapai target atau markah yang diingini dalam pertandingan tersebut. Secara tidak langsung, pertandingan hafazan



melahirkan peserta yang lebih berkualiti dari segala aspek dan boleh menjadi contoh kepada para peserta yang lain. Berbeza dengan penilaian ujian syahadah yang hanya melihat pada aspek kelancaran hafazan semata-mata. Suasana dalam pertandingan hafazan juga memberi tekanan positif kepada para peserta untuk mempersembahkan hafazan dengan sempurna. Apabila seorang peserta berhadapan dengan para hakim yang pakar dalam suasana pertandingan yang penuh debaran serta tumpuan penonton yang terarah kepadanya, ketika itulah tahap kekuatan hafazan benar-benar diuji sama ada ia kukuh atau sekadar hafalan di bibir semata-mata. Dalam konteks ini, pentas musabqah bukan sahaja berperanan sebagai wadah pengukuhan hafazan, tetapi juga sebagai medan pendidikan yang melatih kesabaran, pengurusan emosi, disiplin dalam murajaah serta keberanian memperdengarkan bacaan al-Quran di hadapan umum. Manakala ujian syahadah lazimnya diadakan dalam suasana yang lebih tertutup dan didengari oleh beberapa orang panel yang terdiri daripada beberapa orang guru dan pelajar yang dilantik oleh institusi. Tekanan yang dihadapi oleh *huffaz* dilihat kurang berbanding penglibatan dalam pertandingan hafazan.

Tambahan pula, pertandingan hafazan lazimnya diadakan di tempat yang terbuka, berbanding pelaksanaan ujian syahadah di tempat yang tertutup. Suasana kompetitif yang wujud dalam kalangan peserta turut menjadi ransangan positif kepada mereka untuk meningkatkan kualiti hafalan serta mutu bacaan. Wujudnya persaingan menjadikan para peserta berlumba-lumba bagi mencapai markah yang lebih tinggi berbanding peserta lain. Berbeza pula dengan ujian syahadah yang bersifat penilaian sendiri, *huffāz* diberi pangkat kelulusan mengikut bilangan keseluruhan 30 juzuk al-Quran, manakala pertandingan hafazan hanya menilai juzuk tertentu bergantung pada kategori yang disertai. *Murajaah* hafazan secara terancang dan berfokus bersama guru sebelum menjalani ujian syahadah menjadikan hafazan lebih kukuh dan bertahan untuk jangka masa panjang. Berbeza dengan pertandingan hafazan, kebanyakan peserta membuat pengulangan secara sendiri tanpa pembimbing lebih-lebih lagi apabila mereka telah menamatkan pengajian di institusi tahfiz. Tambahan pula, tidak semua penganjur pertandingan menyediakan bengkel persediaan bagi membantu peserta membuat persiapan yang lebih mantap.

Daripada hasil analisis ini dapat disimpulkan bahawa ujian syahadah merupakan wadah yang paling berkesan dalam pemantapan hafazan al-Quran, manakala pertandingan hafazan adalah platform yang terbaik dalam menguji ketajaman hafazan dan menilai mutu bacaan seperti tajwid, fasahah, irama bacaan dan lain-lain. Penggabungan kedua-dua pendekatan ini semestinya menjadikan seseorang hafiz itu menguasai sepenuhnya hafazan al-Quran.

6.0 KESIMPULAN

Pertandingan hafazan dan ujian syahadah al-Quran sememangnya berfungsi sebagai pendorong bagi *huffāz* untuk meningkatkan kualiti hafalan mereka. Perbandingan keberkesanan terhadap kedua-dua platform pemantapan hafazan ini dapat memperlihatkan bahawa kedua-duanya mempunyai peranan yang berbeza dalam memantapkan hafalan al-Quran, tetapi saling melengkapi antara satu sama lain. Pertandingan hafazan lebih menekankan aspek motivasi luaran melalui suasana persaingan dan penilaian khalayak, manakala ujian syahadah merupakan suatu pengiktirafan formal terhadap tahap penguasaan hafazan seseorang. Perbandingan ini penting kerana ia memberikan gambaran menyeluruh tentang keberkesanan kedua-dua pendekatan dalam membentuk hafalan yang mantap, di samping membantu institusi tahfiz menilai serta menambah baik strategi latihan dan pentaksiran yang digunakan. Justeru, kajian ini bukan sahaja menyumbang dari sudut akademik dengan mengetengahkan analisis kritis, bahkan turut memberi implikasi praktikal dalam memperkukuh pembangunan kurikulum tahfiz dan kualiti *huffaz* pada masa hadapan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.



RUJUKAN

- A.Adi, M. F., & Shohaimi, A. S. (2019). Program Syahadah Tahfiz Berasaskan Teknik Deobandy: Kajian di Maahad Tahfiz Negeri Pahang. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD) 2019*. 5-6 November 2019. International Islamic University College, Selangor, Malaysia.
- Ahmad, A. M. (2023). Eksplorasi Kontekstual Bagi Pengukuhan Hafazan Ayat Mutashabihat Lafaz Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(2), 138–151. Retrieved from <https://doi.org/10.33102/jqss.vol7no2.198>
- Ahmad, A. M., Saleh, M. H., Musa, M. A., Alias, N., & Muhammad, K. A. (2021). Kaedah Menghafaz Ayat Mutashabihat di Kalangan Pelajar Tahfiz: Kajian di Darul Quran JAKIM dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat KUIS. (2021). *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 77-85. Retrieved from <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.3.525>
- Husaini, H. M. H. (2022). *Amalan Baik Pemenang Majlis Hafazan Al-Quran anjuran JAKIM* (Unpublished Master's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husaini, H. M. H., Saad, M. F. M., & Mohamad, S. (2021). Keperluan Penganjuran Majlis Hafazan kepada Penghafaz al-Quran. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 8(2), 10-16. Retrieved from <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/158>
- Hussin, H., Ahmad, A. R. ., Saleh, M. H., Yahaya, M., Zakaria, R., & Mohd Haridi, N. H. (2023). Motivasi Ekstrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM: *Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 6(2), 73–83. Retrieved from <https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i2.72>
- Ismail, A., Osman, K., & Hassan, N. H. (2020). Cabaran pengajaran dan pembelajaran tasmik hafazan al-quran secara atas talian sewaktu pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah kali ke*, 21, 110-116.
- Mohd Yusoff, N. H., Noor Ashikin Nik Mat, & Mohd Hafiz, S. M. (2025). Pembelajaran Terstruktur Dan Kaedah Pengajaran Hafazan Al-Quran Di Maahad Tahfiz Al-Husni: *Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 40–48. Retrieved from <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.94>
- Nasution, M. & Annas, N. A. (2023). Analysis of Musabaqah Tilawatil Qur'an Activities in Increasing Al-Qur'an Memorization Motivation at Madrasah Aliyah Tahfizhil Qur'an Medan. *Jurnal Pengabdian Pada Masyarakat*, 7(4), 1210-1218.
- Rahtikawati, Y., & Afifi, L. L. A. (2021). Musabaqah Tafsiril Qur'an: A Religious Scientific Contestation and Ceremonial Symbol. *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 6(1), 39-48.
- Salihin, M. S., Mohd Pisol, M. I. ., Yahaya, M., Abd Hamid, M. H., & Harun, Z. (2022). Pengukuhan Hafazan Al-Quran: Cabaran & Penyelesaian: Al-Quran Memorization Enhancement: Challenges and Solution. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(2), 34–40. Retrieved from <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/38>